

Generasi muda perlu bersedia ke arah revolusi industri ke-4, kata Najib
Free Malaysia Today
Nov 27, 2016

Perdana menteri berkata bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik perlu dikuasai bagi melengkapkan diri menjadi golongan profesional seperti saintis yang amat diperlukan pada masa depan.

KUALA LUMPUR: Anak muda Melayu perlu menguasai bidang teknologi dan maklumat termasuk Sains Data bagi memastikan bangsa Melayu mampu menghadapi cabaran era globalisasi, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana menteri berkata bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) juga perlu dikuasai bagi melengkapkan diri menjadi golongan profesional seperti saintis yang amat diperlukan pada masa depan.

“Kita sudah sampai tahun milenium baharu yang menuntut dunia berubah ke arah revolusi industri ke-4. Kita mesti sediakan anak-anak kita bagaimana menangani cabaran dunia baharu supaya dalam era globalisasi ini, kita tidak terpinggir,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Agung Tahunan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) ke-62 di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, hari ini.

Najib yang juga penaung GPMS memberi contoh lawatannya ke China baru-baru ini yang menyaksikan penggunaan sistem digital ekonomi yang dipanggil “310” bagi membuat permohonan pinjaman bank.

“Sistem ekonomi digital (310) merujuk kepada permohonan diproses melalui komputer berdasarkan data besar. Dalam masa 3 minit pinjaman diluluskan, dimasukkan dalam akaun kita dalam satu minit dan kosong (0) maksudnya tidak ada ruang hubung kait dengan manusia,” katanya.

Dalam pada itu, Najib berkata GPMS merupakan pertubuhan bukan kerajaan yang relevan bagi meniup semangat pelajar Melayu untuk menyumbang kejayaan dalam bidang pendidikan dan pembangunan negara.

Najib berkata beliau mahu GPMS menjadi peneraju utama dalam menggerakkan Transformasi Nasional (TN50) yang merupakan dasar futuristik bagi mencorak hala tuju negara untuk tempoh 30 tahun selepas 2020.

“Saya nak dengar suara hati orang muda bermula daripada 30 tahun akan datang, bermula orang muda hari ini kerana mereka lah kumpulan penentu bagaimana TN50

nanti dan saya minta GPMS menjadi badan utama yang menggerakkan (TN50),” katanya.

Pada majlis itu, perdana menteri turut mengumumkan kerajaan memperuntukkan RM1 juta kepada Tabung Pendidikan Pelajar Malaysia GPMS khususnya bagi membantu pelajar kurang berkemampuan terutama pelajar perubatan, pergigian dan farmasi di Mesir yang mempunyai tunggakan yuran pengajian.

Najib juga menyampaikan Anugerah Tokoh GPMS Terbilang Sepanjang Zaman kepada bekas perdana menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi dan menyampaikan bantuan daripada Tabung Pendidikan Pelajar Malaysia kepada 10 pelajar Malaysia di Mesir.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/27/generasi-muda-perlu-bersedia-ke-arrah-revolusi-industri-ke-4-kata-najib/>